
Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) Bahasa Arab di Selatan Thailand pada Abad ke-19M

Abdul Kadir Ahmad (Kader Sa-ah)¹
Muhammad Roflee Waehama²
Asem Ash-shareef³

Abstrak

Kajian mengenai belajar dan mengajar Bahasa Arab sangat penting kerana ia adalah bahasa al-Qur'an dan bahasa agama, juga bahasa yang menjadi wasilah dalam menunaikan ibadat kepada Allah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji 3 aspek dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad ke-19M iaitu: a). Matlamat pengajaran dan pembelajaran, b) Kurikulum dan modul yang digunakan dalam PnP, c). Pendekatan dan kaedah PnP. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan dan temubual. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa PnP bahasa Arab di Selatan Thailand pada masa tersebut adalah bermatlamatkan kepada peningkatan kemahiran bahasa Arab dari sudut kaedah bahasa yang bertujuan untuk membaca dan memahami kitab-kitab agama. Sementara itu, kurikulum dan buku-buku teks yang dijadikan bahan PnP pula adalah bersifat penekanan kaedah bahasa Arab. Manakala pendekatan dan kaedah PnP pula adalah memakai pendekatan kaedah (nahu) dan terjemahan.

Kata Kunci : Pengajaran dan Pembelajaran, Bahasa Arab, Selatan Thailand.

¹Ph.D (Islamic Studies) Assistant Professor, Fakulti Pengajian Islam Prince of Songkla University Pattani, Thailand

² Ph.D (Islamic Studies), Fakulti Pengajian Islam Prince of Songkla University Pattani, Thailand

³ M.A. (Islamic Studies), Fakulti Pengajian Islam Prince of Songkla University Pattani, Thailand

Teaching and Learning Arabic in Southern Thailand in the 19th Century

Abdul Kadir Ahmad (Kader Sa-ah)¹

Muhammad Roflee Waehama²

Asem Ash-shareef³

Abstract

This research on teaching and learning of Arabic language is very important since it is the language used in the holy Quran as well as the religious language of Islam, let alone the language of performing “ibadah” to the almighty Allah. This research aimed at studying three aspects of teaching and learning of Arabic language in Southern Thailand in the 19th century namely a) the goal of teaching and learning b) curriculum and modules used in teaching and learning Arabic c) the approach and methodologies in teaching and learning of Arabic language. The qualitative approach methodology was employed in this research through the library secondary data and interviews. Data obtained were analyzed using the descriptive approach. The findings showed that the goal of teaching and learning of Arabic language in Southern Thailand during that particular period was oriented towards increasing the skills of Arabic language from the perspective of language method aimed at reading and understanding the religious books or “kitab”. Meanwhile, curriculum, text books and materials used in teaching and learning emphasized more on Arabic language method. However, the approach and method of teaching and learning used were basically grammatical and translational approach.

Key Words : Teaching and Learning, Arabic Language, Southern Thailand

¹Ph.D (Islamic Studies) Assistant Professor, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University Pattani, Thailand

² Ph.D (Islamic Studies), College of Islamic Studies, Prince of Songkla University Pattani, Thailand

³ M.A. (Islamic Studies), College of Islamic Studies, Prince of Songkla University Pattani, Thailand

Pendahuluan

Bahasa Arab ialah bahasa agama dan bahasa al-Quran. Allah S.W.T menegaskan di dalam al-Quran surah Yusuf:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya (Yusuf: 2).

Apabila berlaku pengislaman di kalangan orang-orang Melayu, mahu tidak mahu bahasa Arab turut diajarkan (Asmah, 1993a: 6), justeru ia sebagai wasilah untuk mengucap dua kalimah syahadah dann menunaikan ibadat, khasnya ibadat sembahyang. Sembahyang seseorang Muslim tidak sah tanpa membaca surah al-Fatihah (al-Shafi-e, 1993: 210), sabda Nabi s.a.w.:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ

Ertinya : tidak sah sembahyang bagi mereka yang tidak membaca surah al-Fatihah. (Muslim, 1995, 3: 84)

Selain ibadat sembahyang yang bertaraf fardu, beberapa ibadat sunat juga dituntut supaya dilaksanakan dalam bahasa Arab, seperti membaca al-Quran. Al-Quran tidak boleh dibaca dengan bahasa selain daripada bahasa Arab. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa segala zikir di dalam sembahyang juga tidak digalakkan membacanya selain daripada bahasa Arab (Ibn Taymiyyah, 1404, 1: 463).

Bahasa Arab merupakan bahasa wahyu dalam Islam. Bahkan huraian dan tafsiran bagi kedua-dua sumber ini kebanyakannya dilakukan dalam bahasa

Arab oleh para ulama terdahulu. Seperti kitab-kitab tafsir al-Quran dan kitab-kitab syarah hadis-hadis Nabi s.a.w.. Lantaran itu, bahasa Arab telah mendapat tempat istimewa di kalangan para sahabat, ulama dan mubaligh Islam sejak awal Islam. Ilmu perkaedahan bahasa Arab seperti ilmu nahu diasaskan oleh Abu al-Aswad al-Duali (Fuad, 1983: 20-21) dan seterusnya mengajar dan menyebarkan ilmu-ilmu tersebut kepada masyarakat, terutama ilmu-ilmu yang berhubung dengan cara dan kaedah bacaan. Hal yang sama terdapat di kalangan umat Islam di Selatan Thailand. Mereka telah berusaha mengadakan pengajian dan pembelajaran yang membolehkan mereka menunaikan ibadat dan memahami hukum syariat dan ajaran-ajaran Islam. Hal demikian diakui oleh salah seorang pegawai kanan Jabatan Keamanan Dalam Negeri, Prakit Pracun Pancanuk. Beliau menegaskan dalam kajiannya:

Agama Islam adalah bersifat undang-undang masyarakat. Maka supaya umat Islam dapat beramal dengan betul, hendaklah menyokong dan membantu pendidikan dan pembelajaran supaya rakyat pandai membaca, serta mereka mampu membaca dan memahami al-Quran supaya dapat menunaikan ibadat dengan betul (Prakit, 1973: 214).

Pengajaran al-Quran, pembelajaran bahasa Arab dan pengajaran hukum-hukum dan ajaran Islam di Patani Selatan Thailand bermula dari istana, kemudian rumah-rumah orang alim, balai dan pondok juga menjadi tempat belajar ilmu agama dan bahasa Arab (Rung Keawdeng, 1968: 21). Ini menjadi bukti bahawa umat Islam sangat mengambil berat tentang pengajian Islam dan bahasa Arab. Walaupun pada tahap permulaan pengajian, ianya diadakan secara sederhana, namun ia terus berkembang dan maju dari masa ke masa hingga lahir beberapa institusi pendidikan

dan pengajian Islam dalam bentuk yang lebih sempurna, seperti pondok, tadika, madrasah, sekolah agama dan pusat-pusat pengajian tinggi Islam.

Permasalahan Kajian

PnP bahasa Arab diadakan sejak awal kedatangan Islam hingga sekarang, tetapi belum dipastikan secara jelas bahawa bagaimanakah PnP itu dilaksanakan, apakah yang menjadi matlamat dan tujuan pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19 M. Bagaimanakah kurikulum dan buku-buku teks yang dijadikan bahan pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19 M dan apakah cara atau pendekatan dan kaedah pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19M.

Objektif Kajian

Umumnya kajian ini mengkaji PnP bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19M. Manakala tujuan secara khususnya pula dapat dirumuskan sebagai berikut;

1. Untuk mengenal pasti matlamat PnP bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19M.
2. Untuk mengenal pasti kurikulum dan buku-buku teks yang dijadikan bahan PnP bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19M.
3. Untuk mengkaji pendekatan dan kaedah PnP bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19M.

Kepentingan Kajian

Bahasa Arab adalah bahasa al-Quran dan bahasa Sunnah Rasul s.a.w.. Ia sebagai wahana untuk memahami ajaran agama yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Rasul s.a.w.. Kedua-duanya adalah sumber asas dan utama bagi

syariah Islam (Ibn Taymiyyah, 1404: 471). Selain itu, bahasa Arab juga adalah syarat sah ibadat sembahyang (al-Syafi-e, 1993: 210) dan syarat utama bagi seorang mujtahid (al-Sayuti, 2003: 2/ 359). Lantaran itu, semua institusi pendidikan dan pengajian Islam termasuk sekolah serta universiti kerajaan di Selatan Thailand telah menjadikan PnP bahasa Arab dalam subjek dan kurikulum Pengajian Islam semenjak tahun 1961 (Prakit, 1973: 82). Di sini jelas menunjukkan pentingnya mengkaji bagaimana kedudukan PnP bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad-19 M.

Skop Kajian

Pengajian dan pembelajaran (PnP) bahasa Arab di Selatan Thailand telah bermula sejak awal kedatangan Islam hingga sekarang. Ia merupakan tempoh yang agak panjang, justeru itu, pengkaji membataskan kajian ini hanya dalam tempoh masa sekitar abad 19M manakala sasaran atau bahan yang dikaji pula hanya dihadkan kepada beberapa aspek sahaja iaitu; matlamat pengajian dan pembelajaran bahasa Arab, kurikulum dan buku-buku teks yang dijadikan bahan pengajian dan pembelajaran bahasa Arab; dan pendekatan dan kaedah PnP bahasa Arab.

Methodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian terhadap PnP bahasa Arab di Selatan Thailand pada abad 19M, pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kaedah kajian lapangan. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul data dari **bahan-bahan** bertulis bagi mencapai objektif kajian. Manakala kajian lapangan pula pengkaji menggunakan kaedah temubual bagi mengumpul data yang tidak terdapat dalam bentuk bahan bercetak. Sementara itu, kaedah analisis dan diskriptif pula digunakan dalam pentafsiran data dan

maklumat yang terkumpul dari kedua-dua kaedah tersebut.

Rumusan Hasil Kajian

Pondok adalah salah satu institusi pendidikan dan pengajian Islam yang sangat penting ber peranan dan sampai kepada kemuncaknya pada abad ke-19M (Ahmad Fathi, 2008 :5). Ia merupakan institusi pendidikan tradisional tunggal di masa tersebut, sistem pengajiannya tertumpu kepada tuan guru secara *halaqah*.¹ Guru berperanan penting dalam proses pembelajaran dan menyampaikan isi kepada pelajar. Manakala pelajar adalah penerima, iaitu mendengar dan mengikuti huraian dan syarahan guru. Pelajar tidak dibahagikan kepada kelas atau kumpulan-kumpulan tertentu. Sementara itu, kelas pengajiannya diadakan di rumah tuan guru, surau atau masjid di kawasan pondok (Abdullah, 1990: 179).

Pondok dikatakan institusi pendidikan pertama lagi tunggal yang berperanan menyebarkan dan mengembangkan bahasa Arab melalui proses pengajian dan pembelajaran di Selatan Thailand pada abad ke-19M di bahagian ini pengkaji akan membincangkan penemuan kajian yang dilakukan terhadap pengajian dan pembelajaran bahasa Arab, berikut ini pengkaji akan membincang penemuan kajian dari aspek matlamat pengajaran dan pembelajaran, kurikulum dan buku-buku teks, pendekatan² dan kaedah³ pengajian dan pembelajaran bahasa Arab.

¹ Halaqah ialah perkataan bahasa Arab yang memberi erti lingkungan. Maka dimaksudkan dengan pengajian berbentuk halaqah ialah, pelajar-pelajar duduk secara lingkungan di hadapan tuan guru untuk menadiah kitab yang akan dibaca oleh tuan guru. Perkataan Halaqah al-Ilmi ertinya majlis ilmu (Ibrahim, 1972 : 193).

² Pakar PnP bahasa Arab membincang pendekatan PnP bahasa asing. Rushdi Tuaymah (1989) menyebut pendekatan moden yang digunakan dalam pengajaran bahasa asing, ialah 1. Pendekatan Kemanusiaan (Humanistic Approach 2. Pendekatan

Matlamat PnP Bahasa Arab Pada Abad Ke-19M

Sangat sulit untuk mengetahui matlamat dan tujuan PnP bahasa Arab pada abad ke-19M melalui fakta-fakta dan data yang bertulis. Hal demikian, mungkin kerana pembelajaran bahasa Arab di Selatan Thailand pada masa tersebut secara tradisional, tidak terdapat kenyataan melalui catatan-catatan. Namun demikian, beberapa orang tok guru yang pernah belajar di pondok menceritakan bahawa matlamat mereka belajar bahasa Arab adalah untuk menjadikan alat supaya membolehkan mereka meluaskan ilmu dan faham kitab-kitab agama. Kata Hj.Husein ;

“... mereka yang belajar kitab Jawi sahaja, tidak mendalami bahasa Arab tidak begitu alim, tidak boleh meluaskan ilmu pengetahuan...” (Hj. Husein, 20 Nov. 2007, MAIW, Yala).

Media (Media-Based Approach 3. Pendekatan analisis (Analytical and Non-Analytical Approach). 4. Pendekatan Komunikasi (Communicative Approach atau Communicative Competence) (Lihat, Rushdi, 1989 : 115-126). Sementara itu, Muhammad Rajab Fadlullah (2002) menyebut tiga jenis pendekatan moden bagi PnP bahasa Arab. Pertama, Pendekatan Komunikasi (Communicative Approach مدخل الاتصال). Kedua, Pendekatan Intergrasi (Integration Approach مدخل التكامل). Ketiga, Pendekatan Fungsi (Fungsional Approach مدخل الوظيفة) (Lihat, Muhammad Rajab Fadlullah, 2002 21-32).

³ Dalam pengajaran bahasa Arab kepada penutur asing terdapat beberapa kaedah, antaranya 1. Kaedah Nahu dan Tarjumah (Grammar-Translation Method) (Rushdi, 1989 : 127). Konsep penting, ialah membulehkan penutur asing berintraksi dengan sumber ilmu pengetahuan bahasa Arab, membaca dan memahami teks bahasa Arab. 2. Kaedah Langsung (Direct Method) (Rushdi, 1989 : 129). Konsep penting, ialah PnP bahasa tanpa mengguna bahasa terjemahan. 3. Kaedah Pendengaran dan Percakapan (Audio-Lingual Method) (Rushdi, 1989 : 133). 4. Kaedah Bacaan (Reading Method) (Rushdi, 1989 : 136). 5. Kaedah Makrifiah (Cognitive Code-Learning Theory) (Rushdi, 1989 : 139). Konsep penting kaedah ini, ialah mempelajari sistem, struktur dan kaedah bahasa..

Begitulah dengan kebanyakan mereka yang pernah belajar di pondok, tujuan mereka mempelajari bahasa Arab secara umumnya berdasar kepada konsep agama semata-mata. Kebolehan yang sangat diharapkan supaya tercapai ialah mampu membaca kitab-kitab agama dalam bahasa Arab. Kata Hj. Abdul Aziz dan Hj. Muhammad ;

“... tujuan kami belajar bahasa Arab selain daripada supaya boleh melaksanakan ibadah, ialah untuk memahami kitab-kitab agama kerana semua kitab agama yang besar-besar adalah dalam bahasa Arab...” (wawancara, Hj. Abdul Aziz dan Hj. Muhammad, 20 Nov. 2007, MAIW, Yala).

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dibuat rumusan bahawa pembelajaran bahasa Arab pada masa tersebut bukanlah bertolak dari kemahuan atau tujuan yang bersifat penggunaan dalam kehidupan harian seperti bercakap atau mendengar, malahan ia adalah hasil daripada dorongan agama, iaitu supaya dapat menunaikan ibadat dan memahami ajaran agama. Hal demikian, supaya mereka dapat memahami kitab-kitab agama dalam bahasa Arab mengenai aqidah, kepercayaan dan ibadat, serta mampu mengajar kitab-kitab tersebut kepada masyarakat. Justeru itu, tujuan para pelajar yang belajar bahasa Arab di pondok ialah untuk menguasai bahasa Arab dari aspek kaedah bahasa secara baik. Ini adalah kerana penumpuan penting mereka ialah kepada aspek pemahaman dan bacaan (Sawai, 1995 : 39). Kata Abdul Rasyid :

“ mereka yang belajar bahasa Arab di pondok tekan masalah Nahu sahaja, supaya mereka benar-benar faham kaedah Nahu dan boleh istinbat hukum-hukum dengan betul, kerana jika baca tidak betul hukumpun tidak betul juga ” (wawancara, Abdul Rasyid, 7 Dec. 2009).

Selain itu, oleh sebab ketokohan seorang ulama juga tergantung kepada kemampuan mereka dalam menguasai ilmu-ilmu bahasa Arab. Seseorang tidak dikatakan seorang alim yang berkaliber, jika ia tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik, kerana seseorang yang akan membuka pondok mesti boleh mengajar kitab-kitab yang berbahasa Arab¹ (Hj.Husein, Hj.Abdul Aziz dan Hj.Muhammad, 20 Nov. 2007). Walaupun demikian, mereka menitikberatkan kepada kaedah-kaedah Nahu sahaja, bukan semua kemahiran bahasa yang diutamakan oleh mereka pada masa tersebut, malahan kemahiran lain, seperti kemahiran mendengar dan bercakap sangat tidak dipentingkan.

Itulah sebagai matlamat dan tujuan utama bagi PnP bahasa Arab di pondok. Dan matlamat itu merupakan matlamat pembelajaran bahasa Arab bagi kebanyakan negeri atau institusi supaya membolehkan pelajar menggunakannya dalam berkomunikasi dan mengajarkan mereka *thaqafah* Islamiyah, memahami karya-karya bersifat sastera dan membantu mereka memahami al-Quran dan Sunnah Nabi B (Ahmad Syeikh, 2000 : 77).

Secara lebih khusus, matlamat dan tujuan pengajaran bahasa Arab di pondok tidak meliputi semua kemahiran. Malahan, kemahiran yang paling diutamakan oleh pelajar-pelajar ialah kemahiran membaca, manakala lain-lain kemahiran tidak mendapat perhatian yang serius. Namun demikian, bukan bererti kemahiran lain terus diabaikan, khususnya kemahiran menulis. Kemahiran menulis juga berhasil tetapi melalui usaha-usaha peribadi, bukanlah

¹ Pengkaji telah mengadakan perbincangan kelompok dengan tiga orang tuan guru, sekali gus mereka juga sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam wilayah Yala, iaitu Tuan, guru Hj. Husein Dumedae, Tuan guru Hj. Abdul Aziz Hj. Senik dan Tuan guru Hj. Muhammad Ismail.

melalui usaha institusi atau perancangan tok guru. Tok guru tidak mengadakan pengajaran atau aktiviti-aktiviti yang bertujuan khusus untuk melatih kemahiran menulis. Para penuntut di institusi pondok dalam era tersebut juga tidak belajar menulis secara khusus (Abdul Rasyid, 7 Dec. 2009). Kata Tuan guru Hj.Abdul Rahman ;

“... Aku tak belajar menulis, tapi tekah dok menadah kitab tu kena dhabit, jadi pana menulis sebab tu ...”(wawancara, 3 July 2008, Pondok Lekok, Kota Baru, Yala).

Maksudnya : saya tidak pandai menulis, tetapi semasa belajar mendengar huraian guru, pelajar mesti mencatat semua huraian yang disampaikan olehnya, oleh sebab demikian, pelajar pandai menulis.

Sebagai perantaraan bagi mencapai matlamat dalam bidang pemahaman bahan bacaan, cara menghafal kaedah-kaedah Nahu juga dianggap sebagai matlamat yang sangat penting, kerana ingatan serta memahami kaedah-kaedah bahasa Arab merupakan syarat penting dalam memahami teks kitab Arab. Lantaran itu, terdapat sebahagian daripada pelajar meletakkan tujuan mereka supaya dapat menghafalkan kaedah-kaedah bahasa Arab kerana mengingat kaedah-kaedah adalah salah satu cara untuk memudahkan pemahaman susunan ayat. Justeru itu, beberapa matan kaedah dihafal, dan biasanya kaedah yang gemar dihafal oleh pelajar-pelajar itu ialah kaedah yang berbentuk ayat *nuzum* tidak kaedah yang berbentuk ayat *nathr*¹ (wawancara, Hj.Abdul Aziz, 20 Nov. 2007, MAI, Yala). Pelajar pondok menghafal matan-

matan yang merupakan kaedah Nahu yang menjadi asas kepada pengajaran bahasa Arab di institusi pondok, antaranya ialah Matan *al-Ujrumiyyah*, Matan *Alfiyyah* dan sebagainya. Malahan ada di kalangan pelajar boleh menghafal Matan *Alfiyyah* secara songsang (Abdul Rasyid, 7 Dec. 2009).

Sebagai rumusan, pada abad ke-19M, matlamat dan tujuan pembelajaran bahasa Arab di Selatan Thailand adalah lebih bersifat satu pihak, iaitu supaya berperanan sebagai wasilah untuk memahami bahan tertulis, iaitu kitab-kitab yang menjadi buku teks atau yang menjadi kitab rujukan kepada alim ulama atau guru-guru yang mengajar dan pelajar-pelajar yang menuntut ilmu di pondok. Manakala aspek menulis atau mengarang, bercakap dan mendengar tidak menjadi matlamat penting bagi PnP pada masa tersebut. Justeru itu, supaya tercapai matlamat itu menghafal dan memahami kaedah-kaedah bahasa Arab amat diutamakan.

Kurikulum PnP Bahasa Arab Pada Abad Ke-19M

Oleh sebab institusi pondok tidak terdapat kurikulum dalam erti kata yang sempurna mengikut pengertian yang diberikan oleh pakar pendidikan,² maka yang dimaksudkan dengan kurikulum di sini ialah mata pelajaran yang diajar dan dipelajari di pondok-pondok. Ilmu-ilmu atau mata pelajaran bahasa Arab di pondok terhad kepada ilmu-ilmu yang membincangkan tajuk-tajuk berhubung dengan kaedah Nahu dan Balaghah

¹ Dalam bahasa Arab terdapat dua bentuk ayat, iaitu ayat *nathr* (*manthur*) dan ayat *nuzum* (*manzum*). Ayat-ayat *nathr* ialah ucapan yang tidak bersifat puisi, syair, pantun dan sebagainya. Manakala ayat *nuzum* ialah ayat-ayat yang bersifat puisi, syair, pantun dan sebagainya.

² Mengikut Rushdi Tuaymah (1989 : 59-62) kurikulum mengandungi empat unsur penting, iaitu matlamat pembelajaran, kandungan atau isi (mata pelajaran), kaedah PnP dan penilaian. Jadi, walaupun di institusi pondok pengajarannya mempunyai matlamat yang jelas, mata pelajaran juga ditentukan serta terdapat cara tertentu dalam pengajarannya, tetapi ia tidak tersesun dengan cara-cara yang sepatutnya seperti yang ditakrifkan oleh pakar pendidikan.

(Sawai, 1995 :38). Mengikut Hj. Abdul Aziz, Hj.Husein dan Hj. Muhammad (20 Nov. 2007, MAI) bahasa Arab yang diajar di pondok-pondok adalah berputar sekitar ilmu Nahu dan ilmu Saraf. Di samping itu, terdapat juga di sesetengah pondok yang menambahkan ilmu Balaghah. Walaupun bahasa Arab mulai diajar secara terancang setelah lahir institusi pondok, namun begitu, belum terdapat satu kurikulum khusus yang boleh menjadi panduan. Malahan ia hanya terdapat dalam bentuk mata pelajaran bahasa Arab, seperti pelajaran Nahu dan Balaghah. Pelajaran Nahu sebagai pelajaran asas kerana mereka menganggap ilmu Nahu sebagai alat untuk mendalami bahasa Arab seperti kata syair Arab yang berbunyi;

النَّحْوُ أَوَّلَى أَوْلَى أَنْ يُعْلَمَ إِذِ الْكَلَامُ ذُوْنُهُ لَنْ يُفْهَمَا

Maksudnya : ilmu Nahu itulah yang utama mula dipelajari kerana ucapan tiada ber nahu itu tidak boleh difaham.

Ilmu Nahu dan ilmu Saraf menjadi penting bagi pelajar-pelajar di pondok kerana ia dikatakan sebagai ilmu alat untuk memahami ilmu-ilmu yang lain. Walaupun pelajaran Nahu dan Saraf sudah menjadi mata pelajaran asas yang diajar di pondok-pondok pada masa itu, namun demikian tidak terdapat catatan lengkap mengenai kitab-kitab yang menjadi sukatan pelajaran. Antara kitab-kitab yang dijadikan teks pengajaran di pondok pada masa tersebut, ialah kitab yang ditulis oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain dalam ilmu Nahu dan ilmu Saraf. Kitab-kitab tersebut telah dicetak pada akhir abad ke-19M (Wan. Mohd. Saghir, 1992 : 45). Mengikut Tuan Guru Hj. Ismail Hari (wawancara, 4 Jun 2008, MAIW, Yala) pada awal abad ke-20M ketika beliau menjadi pelajar di pondok, antara kitab-kitab berkenaan bahasa Arab yang dipelajari di pondok-pondok, ialah kitab *Dam wa Madkhal*,

Matn al-Ujrumiyah, *Syarh Mukhtasar*, *Matn Mutammimah*, *al-Asymawy*, *al-Azhary*, *Qatr al- Nada*, *Yasīn Fakihiy*, *al-Asymuny*, *Matn Alfiyyah* dan *Kitab Ibnu Aqīl*.

Sementara itu, sukatan pelajaran bahasa Arab di pondok berlainan antara sebuah pondok dengan yang lain. Hal demikian, kerana kebolehan dan kecekapan tok guru berbeza. Tok guru akan mengajar mengikut kebolehannya masing-masing (Prakit, 1973 : 45). Selain itu, kitab-kitab yang digunakan sebagai buku teks di pondok, kebanyakannya ialah kitab-kitab yang diambil daripada negara-negara Arab. Ini mungkin kerana pada masa tersebut kitab-kitab yang ditulis atau disusun oleh ulama tempatan sangat kurang atau tidak ada.

Walau bagaimanapun, kurikulum pengajaran bahasa Arab di pondok dapat dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat rendah untuk pelajar-pelajar yang mula belajar bahasa Arab; peringkat menengah bagi pelajar-pelajar yang sudah mempelajari kitab-kitab diperingkat permulaan; dan peringkat tinggi bagi pelajar-pelajar yang sudah menamatkan kedua-dua kurikulum, iaitu peringkat rendah dan menengah (Hj.Abdul Aziz, 20 Nov. 2007). Manakala kitab-kitab yang dijadikan mata pelajaran bagi setiap peringkat adalah sebagai berikut :

Peringkat rendah ialah kitab *Matn al-Ujrumiyyah*, *al-Allāmah Abi Naja a'la syarh al-Syeikh Khalid al-Azhari a'la matni al-Ujrumiyyah fi ilmi al-lughah al-Arabiyyah*, *Syarh al-Tiftazani a'la al-Ezzi* dan kitab *Al-Bahjah al-Mardiyyah*, *Matn al-Bina wa al-Asas*, *Abniyah al-Asmā wa al-Afāl* dan kitab *Dam wa al-Madkhal* (Abdul Rasyid, 7 Dec. 2009).

Manakala kitab-kitab yang dijadikan sukatan pelajaran di peringkat

menengah ialah kitab yang berbentuk huraian atau syarah kepada matan-matan yang dipelajari pada peringkat permulaan. Antara kitab-kitab tersebut ialah *Syarh al-Syeikh Khālid, Hāsiyyah al-Asymāwy a'la matni al-Ujrumiyyah fi ilmi al-Lughah al-Arabiyyah, Syrah al-Kufrawy* (Abdul Rasyid, 7 Dec. 2009).

Peringkat tinggi antara kitab-kitab yang dipelajari ialah kitab *Matan Alfīyyah, Kitab Syarh Ibnu Aqīl, Hasyiyah al-Khudari, Hasyiyah Yasin a'la Fakihin*.

Jadual berikut, menyatakan sebahagian kitab-kitab mengenai bahasa Arab yang diajar dan dipelajari di pondok-pondok pada abad ke-19M (Ahmad Fathi, 2001 : 201).

Jadual 1

Antara kitab-kitab yang menjadi sukatan pelajaran bahasa Arab di institusi pondok

Nama kitab	Pengarang
al-Allāmah Abi Naja a'la syarh al-Syeikh Khalid al-Azhary a'la matni al-ujrūmiyyah fi ilmi al-lughah al-Arabiyyah	Al-Allāmah Abi Naja
Hasyiyah al-Asymawwy āla matni al-Ujrumiyyah fi ilmi al-lughah al-Arabiyyah	Syeikh Abdul bin Syeikh al-Asymawwy.
al-Kawakib al-Durriyyah	Muhammad bin Ahmad bin Abdulbāry al-Ahdal.
Matn Alfīyyah	Muhammad bin Abdullah bin Malik al-Andalusy (598-672H.)
Kitab Syarh Ibnu Aqīl	Al-Allamah Abdullah Baha al-Din Abdullah bin Abdul Rahman bin Aqīl al-Aqīly al-Hamadany al-Misry (698-769H.)
Syarh al- Asymuny	Abu al-Hasan Ali bin Muhammad al-Misry al-Asymuny (900 H.)
Syarh kailany li tasrīf al-Ezzy	Abi al-Hasan Ali bin Hisyam al-Kailany.
Al-Fawakih al-Janiyyah syarh mutammimah al-Ujrumiyyah	Abdullah bin Ahmad al-Fakihiy
Syarh al-Tiftazani a'la al-Ezzi	Ibrahim Abdul Wahab al-Zanjany
Al-Bahjah al-Mardiyah	Jalaluddin al-Sayuty

Pendekatan Dan Kaedah PnP Bahasa Arab Pada Abad Ke-19M

Pendekatan dan kaedah pengajaran bahasa Arab di pondok secara umumnya ialah kaedah Nahu dan Terjemahan (طريق فقه النحو والترجمة). PnPnya adalah berbentuk *halaqah*. Pengajiannya diadakan di atas *balaisah*,¹ atau di dalam masjid. Semua pelajar atau murid-murid yang sama tahapnya akan menghadiri majlis PnP yang sama. Mereka tidak dibahagikan secara kelompok-kelompok. Malahan mereka akan belajar daripada guru yang sama. Sementara itu, guru yang mengajar bagi setiap mata pelajaran juga hanya seorang sahaja, iaitu tok guru atau lebih terkenal di kalangan orang tempatan dengan panggilan *Baba*. Tok guru yang bertugas mengajar semua bidang pengetahuan Islam (Worawit, 1999 : 159).

Pendekatan yang digunakan dalam proses PnP di pondok ialah pendekatan Nahu dan Terjemahan. Tok guru bertugas sebagai penyampai isi pengajaran. Beliau membaca kitab atau buku yang dijadikan sukatan pelajaran, kemudian menterjemahkannya kepada bahasa Melayu serta memberi huraian dan syarahan. Manakala pelajar mengikuti bacaan nas (teks) daripada tok guru serta mendengar huraian dan syarahannya. Dalam penyampaian isi pengajian, akan diselitkan dengan latihan seperti tok guru menyuruh pelajar-pelajar membaca teks yang berbahasa Arab kemudian beliau

menghuraikannya, atau dengan cara *i'rāb*² dan sebagainya. Ini adalah antara cara tok guru menguji pelajar-pelajarnya untuk mengetahui sejauhmanakah pelajar memahami nas (teks) yang dipelajari. Kata baba Hj. Abdul Aziz :

“cara tok guru Pondok Dala mengajar ialah anak mughid (murid) mesti baca, dia syarah sahaja, jadi tok peke (fakir) mesti mutalaah dulu sebelum naik mengaji atas bala kerana tok guru suruh baca mesti kena baris dan berhenti kena pada tempatnya. Tapi (tetapi) Kalau pondok Pengkalan Nam (enam) cara belajarnya ialah mesti *i'rāb* setiap kalimah” (wawancara, 3 Dec. 2009, MAI, Yala).

Salah satu pendekatan dan cara yang digunakan di pondok ialah pendekatan *tasmī*³. Tok guru akan menyuruh pelajar memperdengarkan matan-matan atau kaedah-kedah yang dihafal sebelum memulakan pengajian. Ini adalah salah satu cara yang sangat berkesan dalam proses PnP di pondok. Hal demikian kerana pelajar-pelajar wajib menghafal matan dan kaedah Nahu dan sebagainya. Kata Abdul Rasyid :

“ kalau pelajar yang sudah menjadi kepala *mutālaah* sudah ingat semua matan Alfiyyah, malahan ada yang sampai keperingkat mahir boleh membaca secara songsang ”(wawancara, Abdul Rasyid, 7 Dec. 2009).

Walaupun tok guru yang mengajar hanya seorang sahaja, tetapi di sana ada juga pembantu-pembantu tok

¹ Perkataan *balaisah* adalah perkataan Melayu Patani. Barangkali berasal daripada perkataan “*balai madrasah*” *balai* ertinya bahagian ibu bagi sebuah bangunan. Manakala perkataan “*madrasah*” adalah perkataan bahasa Arab, ertinya tempat belajar atau sekolah. Dalam konteks masyarakat Islam Patani, *balaisah* adalah merupakan pusat perhimpunan dalam sebuah kampong untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang bersifat agama, seperti menunaikan sembahyang jamaah, belajar al-Quran dan ilmu-ilmu fardu ain, ia dapat memuatkan bilangan yang lebih banyak daripada rumah kediaman.

² *I'rāb* ialah membuat analisis terhdap susunan perkataan di dalam ayat-ayat. Ia merupakan salah satu cara pengajaran bahasa Arab yang sangat popular bagi PnP sistem pondok.

³ Pendekatan *tasmī*, perkataan adalah bahasa Arab, ertinya memperdengar. Dimaksudkan dengan pendekatan memperdengar di sini ialah tok guru menyuruh supaya pelajar memperdengarkan matan-matan atau kaedah-kaedah yang dihafal sebelum tok guru akan memulakan pengajian.

guru. Sama ada dipilih oleh tok guru atau dicari sendiri oleh pelajar-pelajar serta mendapat pengiktirafan daripada tok guru. Pembantu-pembantu itu terkenal sebagai *Kepala Mutalaah*¹ (Sawai, 1995 : 39). Mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang lebih lama belajar di pondok dan kebiasaan umurnya juga lebih tua serta telah diakui oleh tok guru bahawa mereka sudah mampu untuk memberi kelas tambahan kepada pelajar-pelajar lapisan bawah atau pelajar yang baharu datang ke pondok.

Kepala *mutalaah* itu berperanan sebagai tutor yang memberi tuisyen kepada pelajar-pelajar yang mahu menambah dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap kitab-kitab yang telah dipelajari daripada tok guru atau baba. Sungguhpun demikian ada juga di kalangan mereka mengajar kitab-kitab yang tidak diajar lagi oleh tok guru. Malahan ada juga pelajar-pelajar yang baru datang ke pondok hanya belajar dengan kepala *mutalah* sahaja. Kata Hj. Muhammad : “Kepala *mutalah* ini penting, terkadang hidup sesebuah pondok itu kerana kepala *mutalah*” (wawancara, 20 Nov. 2007).

Pengajaran di pondok menitikberatkan pemahaman kaedah bahasa Arab. Membaca secara betul dengan kaedah Nahu adalah penting supaya dapat memahami makna atau maksud daripada nas-nas yang tertulis di dalam kitab atau yang diistilahkan dalam bahasa Arab dengan *Fahm al-Maqrū* (فهم) (Sawai, 1995 : 39).

Begitulah keadaannya bagi pengajaran bahasa Arab, dalam proses pembelajarannya, guru akan membaca

nas (teks) ataupun matan² daripada kitab, kemudian diikuti dengan syarahan dan huraian. Di samping itu, pengamatan diberi kepada kaedah bacaan baris *fathah* (di atas) *kasrah* (di bawah) atau *dammah* (di hadapan) dan serta sebab-sebab kenapa dibaca sedemikian. Kemudian diikuti dengan huraian kaedah-kaedah yang terdapat di dalam kitab. Guru akan menitikberatkan contoh-contoh dan pelaksanaan atau lebih diketahui dengan istilah *i'rab*, iaitu dengan cara menganalisis sistem dan struktur bahasa Arab seperti *kalimah* (perkataan), *jumlah* (susunan ayat), fungsi dan kedudukannya dalam satu-satu keadaan berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang dipelajari itu.

Mengikut K.Snouk Horgronje (1999 : 600) pelajar mempelajari bahasa Arab melalui terjemahan guru, guru akan memberi *imla* (إملاء) kepada pelajar dengan bahasa tempatan untuk menerangkan kandungan pengajaran. Di peringkat permulaan pelajar akan menghadapi beberapa kesulitan dalam memahami pelajaran seperti memahami kaedah *tasrif* kata kerja (فعل)³.

Sementara itu, tindakan yang mesti diambil oleh pelajar-pelajar dalam

² Matan adalah perkataan bahasa Arab ialah *matn* (مثنى), maksudnya ialah perkataan asal bagi penulis kitab yang dapat diberi huraian tambahan, seperti beberapa matan mengenai kaedah bahasa Arab, antaranya *Matn al-Ujrumiyyah*, *Matn Alfyyah* dan sebagainya. Jadi, bagi matan-matan tersebut terdapat banyak ulama-ulama yang datang kemudian memberi huraian dan syarahan kepadanya. Antaranya ialah kitab *al-Allamah Abi Naja a'la syarh al-Syeikh Khalid al-Azhari a'la matni al- al-Ujrumiyyah fi ilmi al-Lughah al-Arabiyyah*, *Hasyiyah al-Asymawi a'la matni fi ilmi al-Lughah al-Arabiyyah*. Kedua-dua sebagai syarah dan huraian kepada matan. Kitab *Syarh Ibnu Aqil*, sebagai syarahan dan huraian kepada matan *Alfyyah* dan sebagainya.

³ *Tasrif* adalah berasal daripada perkataan bahasa Arab. Ia telah menjadi satu istilah bahasa Melayu yang dipakai dalam pengajaran bahasa Arab dalam ilmu Saraf. Memberi maksud sama dengan perkataan konjugasi atau mengubah bentuk kata kerja.

¹ Kepala *mutalah*, *mutalaah* maksudnya mengulang kaji. Kepala *mutalah* ialah seorang yang bertugas mengulang kaji kitab-kitab yang telah diajar oleh tok guru untuk menambahkan pemahaman kepada pelajar-pelajar (tok fakir).

pendekatan yang digunakan, ialah pelajar-pelajar mesti *dabit* atau mencatat huraian yang disampaikan oleh tok guru. Pelajar-pelajar *mendhabit* (mencatat) huraian dan syarahan yang disampaikan oleh tok guru di bahagian luar isi kandungan kitab.

Selain guru yang membaca nas (teks) daripada kitab yang telah ditentukan, terdapat juga pelajar diberi tugas untuk membaca sebagai satu cara yang digunakan oleh guru untuk mengawasi pelajar dan mengenal pasti pencapaian mereka adakah murid-murid telah menguasai kaedah-kaedah yang dipelajari ataupun belum.

Dalam memberi tugas kepada pelajar-pelajar untuk membaca, pemilihan dilakukan secara spontan, bukan secara terrancag. Itu mungkin kerana bilangan murid-murid terlalu ramai. Pendekatan yang digunakan oleh guru tersebut memang sangat efektif kerana ia menyebabkan murid-murid sentiasa berhati-hati supaya gilirannya tidak mengejutkan.

Pendekatan Kaedah Nahu dan Terjemahan mengutamakan cara menghafal kaedah-kaedah bahasa Arab seperti kaedah Nahu dan sebagainya diwajibkan pelajar-pelajar menghafalnya. Biasanya pelajar-pelajar lebih suka menghafal kaedah yang berbentuk syair berbanding kaedah yang berbentuk ayat biasa, kerana ayat berbentuk syair lebih mudah menghafalnya (wawancara, Hj.Abdul Aziz, 20 Nov. 2007). Antara kitab yang sangat diberi galakan kepada pelajar supaya menghafalnya ialah *Matn al-Ujrumiyyah*, *Matn Alfiyyah Ibnu Malik*, *tasrif* empat belas bagi ilmu Saraf. Hal ini dilakukan kerana matan yang dihafal itu sebagai matan induk bagi segala kaedah dan peraturan bahasa Arab dan memudahkan proses pembelajaran. Pelajar akan mudah faham dan cepat dapat menguasai bahasa Arab. Malahan ilmu-ilmu lain seperti ilmu Tauhid, Fiqah,

Tasawuf dan sebagainya juga senang dan mudah difahami.

Selain itu antara pendekatan yang diikuti untuk menguatkan kefahaman pelajar terhadap kaedah bahasa Arab ialah pelaksanaan *i'rāb* kaedah Nahu. Kaedah ini bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa Arab seperti Nahu bahkan semua mata pelajaran yang dipelajari termasuk pelajaran Tauhid, Fiqah, Tafsir, Hadith dan lain-lain.

Ringkasnya dalam abad ke-19M, proses PnP bahasa Arab ialah memakai metod Kaedah Nahu dan Terjemahan (Sawai, 1995 : 39) atau yang dikatakan *Tariqah al-Qawāid wa al-Tarjumah*. Pendekatan ini sangat tersebar di kalangan pondok-pondok yang ada di Selatan Thailand pada masa itu. Malahan pengajaran bahasa yang terawal dan tersebar di lain-lain negara secara umumnya mengguna pendekatan tersebut (Rushdi, 1989 : 127).

Rumusan

Sebagai rumusan, matlamat dan tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Selatan Thailand pada masa tersebut adalah lebih bersifat satu pihak, iaitu supaya berperanan sebagai wasilah untuk memahami bahan tertulis iaitu kitab-kitab yang menjadi buku teks atau yang menjadi kitab rujukan kepada alim ulama atau guru-guru yang mengajar dan juga pelajar-pelajar yang menuntut ilmu di pondok. Manakala aspek menulis atau mengarang, bercakap dan mendengar tidak menjadi matlamat penting bagi pengajaran dan pembelajaran pada masa tersebut. Maka bagi mencapai matlamat tersebut, metode menghafal dan memahami kaedah-kaedah bahasa Arab amat diutamakan.

Manakala kurikulum pengajaran bahasa Arab di pondok pula dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat rendah untuk pelajar-pelajar yang mula belajar bahasa Arab. Peringkat

menengah bagi pelajar-pelajar yang sudah mempelajari kitab-kitab diperingkat permulaan, dan peringkat tinggi bagi pelajar-pelajar yang sudah menamatkan kedua-dua kurikulum, iaitu peringkat rendah dan menengah. Manakala kitab-kitab yang dijadikan mata pelajaran atau yang dipelajari itu pula, bagi peringkat permulaan atau rendah lebih bersifat matan atau kaedah. Manakala kitab-kitab yang dijadikan sukatan pelajaran di peringkat menengah ialah kitab yang berbentuk huraian atau syarah kepada matan-matan yang dipelajari pada peringkat permulaan. Adapun di peringkat tinggi kebanyakan kitab-kitab yang dipelajari adalah berbentuk syarahan yang lebih mendalam.

Sementara itu, pendekatan yang diikuti dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada masa tersebut ialah metod Kaedah Nahu dan Terjemahan atau yang dikatakan *Tariqah al-Qawāid wa al-Tarjumah* di samping kaedah hafalan. Pendekatan ini sangat tersebar di kalangan pondok-pondok yang ada di Selatan Thailand pada masa tersebut. Selain itu, pendekatan yang diikuti untuk menguatkan kefahaman pelajar terhadap kaedah bahasa Arab, ialah pelaksanaan *i'rāb* kaedah Nahu. Kaedah ini bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa Arab, seperti Nahu bahkan semua mata pelajaran yang dipelajari, termasuk pelajaran Tauhid, Fiqah, Tafsir, Hadith dan lain-lain turut diamalkan.

Bibliografi

- Ahmad Fathi al-Fatoni (2001) *Pengantar Sejarah Patani*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Fathi al-Fatoni (2001) *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar (1990) *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (1993a) *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999) *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negeri Thai*, Tesis, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Sayuti, Jalaludin (t.t.) *Al-Muzhir fi Ulum al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Sayuti, Abdul Rahman bin Abi Bakr (2003) *al-Itqan fi Ulum al-Quran*. editor: Mohammad Salem Hashim. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Shafi-e, Muhammad bin Idris (1993) *Al-Umm*. Beirut: Darul Kutob al-Ilmiyah.
- Al-Shafi-e, Muhammad bin Idris (2005) *Al-Risalah*. Beirut: Darul Kutob al-Ilmiyah.
- Fuad Sazkin (1983) *Tarikh al-Turas al- 'Arabi, Vol. 1 Fi Ulum al-Quran wa al-Hadis* (ter). Riyadh: Imam Muhammad Ibn Suud Universiti.
- Horgronje, K.Snouk (1999) *Safahat min Tarikh Makkah al-Mukarramah* (ter). Riyadh: Maktabah Dar al-Miawiyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abdul Halim (1983) *Kitab al-Iman*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abdul Halim (1984) *Iktida al-Sirat al-Mustaqim*. Tahqiq Nasir Abdul Karim al-Akal. Riyadh: al-Obeikan li al-Tibaah.
- Rushdi Ahmad Tuaymah (1989) *Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah li-Ghairi al-Natiqina Biha. al-Munazamah al-Islamiyah li al-Tarbiyah wa al-Ulum wa al-Saqafah* (ISESCO).
- Prakit Pracon Pancanuk (1973) *Kan Prabprung Leh Songsum Rongrian Ekachon Son Sasana Islam (pondok)*. Bangkok: Sataban Phatna Borihan Sart.
- Rung Keawdeng (1968) *Tasana Khati Khong Tok Gru To Kan Prabprung Pono Pen Rongrian Rat Son Sasana Islam*. Bangkok: Sataban Bandit Patna Borihansat.

Wawancara

- Abdul Rasyid bin Hj. Daud. *Mudir Madrasah Asasuddin, Melayu Bangkok, Yala*, wawancara pada 7 Disember 2009.
- Hj. Abdul Rahman. *Pengasas dan Tuan Guru Madrasah al-Muhammadiyah, (Pondok Lekok) Kota Baru, Raman, Yala*, wawancara pada 3 Julai 2008.
- Hj. Abdul Aziz bin Hj. Senik Mae. *Mudir Ma'had al-Da'wah al-Islamiyyah, Chelum, Krungping, Yala*, wawancara pada 20 November 2007.
- Hj. Husein bin Hj. Abdulmutalib Dumidae. *Tuanguru Madrasah Darulhuda Pondok La-el, Jaha, Yala*, wawancara pada 20 November 2007.
- Hj. Ismail Abdul Latif Hari. *Pengasas dan Tuan Guru Ma'had al-KHairiyah, Lammai, Yala*, wawancara pada 4 Jun 2008.
- Hj. Muhamad bin Hj. Abdullah Ismail. *Tuanguru (baba) Madrasah Darululum al-Muhamadiyah Pondok Mahir, Kotabaru, Raman, Yala*, wawancara pada 20 November 2007.